

Sultan Selangor terima Darjah Utama Seri Mahkota Negara

UM 19 FEB 2003

SHAH ALAM 18 Feb. — Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini menerima Darjah Utama Seri Mahkota Negara daripada Yang di-Pertuan Agong pada satu majlis di Istana Bukit Kayangan di sini.

Darjah tertinggi negara itu telah disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mewakili Yang di-Pertuan Agong.

Majlis penyampaian darjah itu disaksikan oleh kerabat-kerabat diraja Selangor; Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo; anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri dan para pembesar negeri.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin

Osman; isteri Menteri Besar Selangor, Datin Seri Zahrah Kechik dan ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Dr. Mahathir dan isteri bersama tetamu kehormat lain kemudian menghabiskan masa kira-kira satu jam untuk beramah mesra dan bersantap bersama baginda Sultan Sharafuddin Idris Shah.